

20 JAN 1998

Mahathir-Harga

RAKYAT DIMINTA BERSEDIA HADAPI KENAIKAN HARGA BARANG

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat supaya menerima hakikat dan bersedia untuk menghadapi kemungkinan harga beberapa barangan perlu dinaikkan selepas perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri hujung bulan ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kajian yang terperinci akan dilakukan terlebih dahulu oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang beliau pengerusikan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenai kenaikan harga barangan itu.

"Yang mana boleh kita kekalkan harga lama, kita akan kekalkan tetapi kalau tak mungkin kita kekal, kita terpaksa kaji (untuk membenarkan kenaikan harga) kerana tak ada siapapun yang sanggup menjadi orang yang men-subsidise orang lain. Itu bukan tugas peniaga."

"Jadi rakyat kena bersedia kerana bila kita susah kita kena tahulah buat cara orang yang susah. Nak ada kemudahan (tapi) orang lain (peniaga) nak kena belanja, orang lain (peniaga) pula susah," katanya selepas merasmikan serentak Kampus Institut Profesional Baitulmal, Yayasan Pembangunan Masjid Wilayah Persekutuan dan Buku Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur di sini.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berbuka puasa bersama-sama para hadirin. Antaranya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri di JPM Datuk Dr Ibrahim Saad, anggota Exco Kerajaan Negeri Terengganu Datuk Dr Yusof Noor dan tokoh-tokoh korporat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan rakyat tidak boleh menafikan hakikat bahawa Malaysia kini sedang menghadapi masalah kenaikan harga barang kerana kebanyakan barang-barang itu diimport.

"Oleh kerana nilai mata wang kita jatuh maka walaupun harganya sama kalau dikira dengan nilai mata wang asing tapi dengan nilai mata wang kita ia sudah meningkat."

"Jadi pengimport nak jual dengan harga lama sudah tentulah ini tak mungkin. Makna kata dia (pengimport) akan rugi dan sebaliknya kalau kita benar dia naik harga, orang (pengguna) pula gaduh," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu menerima hakikat bahawa tidak mungkin sesiapapun yang boleh menyuruh pengimport membawa masuk barang ke negara ini untuk mencari kerugian.

"Jadi yang pentingnya ialah kita kurangkan penggunaan barangan import dan kalau peniaga rugi, kita harus benar dia naik harga supaya dia dapat keuntungan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kenaikan harga barangan di Malaysia tidaklah sebanyak yang berlaku di sesetengah negara.

"Sebenarnya keadaan di Malaysia ini luar biasa. Ramai yang berkata kepada saya bahawa mereka kagum melihat bagaimana kita boleh mengawal harga pada paras yang terdapat sekarang ini kerana di negara-negara lain sudah meningkat kadang-kadang 100 peratus."

"Tapi di sini kalau naiknya taklah begitu banyak walaupun kita mengeluh," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, terdapat juga barangan yang harganya tidak patut dinaikkan terutama barangan tempatan yang tidak mempunyai kandungan bahan import.

Mengenai MTEN, Dr Mahathir berkata, majlis itu akan mengadakan mesyuarat pertamanya di sini Khamis ini.

Katanya, beliau sudahpun melantik kurang daripada 30 orang sebagai anggota majlis itu termasuk beberapa orang menteri, wakil pengguna, wakil kesatuan sekerja dan wakil badan-badan profesional.

Sebagai permulaan, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, termasuk Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah diundang untuk menyertai mesyuarat pertama itu. -- Bernama

AH oba